

## **VANDALISME DI PERUMAHAN PANGSAPURI**

**MOHAMAD ROSLAN BIN MHD ZAINAL NOR**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

## **ABSTRAK**

Perumahan pangsapuri merupakan sejenis perumahan yang mempunyai bilangan tingkat yang banyak. Ianya didiami oleh pelbagai lapisan masyarakat. Oleh kerana itu, perumahan pangsapuri sering kali terdedah kepada gejala vandalisme seperti kerosakan lif dan dinding berconteng. Vandalisme adalah perlakuan manusia yang merosakkan harta benda orang lain terutamanya harta benda awam. Terdapat beberapa tempat tertentu di perumahan pangsapuri yang sering terdedah kepada gejala vandalisme ini. Pelbagai langkah boleh dilakukan untuk mengatasi masalah vandalisme ini. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tempat-tempat di perumahan pangsapuri yang sering berlakunya gejala vandalisme. Objektif kedua pula adalah untuk mengenalpasti langkah-langkah yang dilakukan untuk mengatasi masalah vandalisme. Kajian telah dilakukan ke atas lima buah perumahan pangsapuri kos rendah. Skop kajian adalah di sekitar Kuala Lumpur. Bagi mencapai kedua-dua objektif tersebut, kaedah pengamatan dan soal selidik telah digunakan. Bagi kaedah pengamatan, ia dilakukan untuk mengenalpasti tempat-tempat di perumahan pangsapuri yang sering terdedah kepada vandalisme. Bagi kaedah kaji selidik pula, ianya dilakukan untuk mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah vandalisme. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 86 orang responden yang terdiri daripada penduduk perumahan pangsapuri. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis frekuensi. Hasil daripada kajian yang dilakukan, didapati tempat-tempat seperti lif, lobi lif dan telefon awam di perumahan pangsapuri adalah tempat yang sering berlakunya gejala vandalisme. Bagi mengatasi masalah vandalisme ini, langkah-langkah seperti pemasangan CCTV, penambahan pengawal keselamatan dan mengenakan tindakan undang-undang kepada individu yang melakukan kerosakan harta benda awam ini boleh dilaksanakan.

## **ABSTRACT**

Apartment is a type of residential housing that has a lot of levels. It is occupied by various types of society. Therefore it is exposed to the symptoms of vandalism. Vandalism is a human behaviour that damages the property of others, especially public property. There are several specific locations in the residential apartments that are often exposed to vandalism. Various steps can be done to overcome this problem. Therefore, this study aims one, to identify places in residential apartments where vandalism often occur, and two, to identify the steps to be taken to overcome the problem. The study was conducted on five low-cost apartments in Kuala Lumpur. Methodologies used to achieve the objectives of this study were observation and survey. For observation, it was done to identify the places in residential apartments, which are often vulnerable to vandalism. For the survey method, questionnaires were distributed to 86 respondents to identify the necessary steps that could be taken to overcome the vandalism problem. Frequency analysis was used to analyse the data obtained. The study found that places like lifts, lift lobbies and public telephones in residential apartments were places that the vandalism often occur. In order to overcome this problem, measures such as installing CCTV System, use of security guards and impose additional legal action to individuals who do damage to public property can be implemented.